

06/05/1997

Pemuda Umno lancar program khas

KUALA LUMPUR, Isnin - Pergerakan Pemuda Umno akan menganjurkan program anak angkat peti undi bagi menghadapi pilihan raya kecil di tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) dan dua kawasan Parlimen tidak lama lagi.

Pilihan raya kecil berkenaan ialah Parlimen Teluk Intan pada 17 Mei; DUN Kemena (24 dan 25 Mei) dan DUN Repah, Parlimen Kuala Selangor serta DUN Permatang yang tarikhnya belum ditetapkan lagi.

Satu lagi pilihan raya kecil ialah bagi kawasan Parlimen Kota Melaka yang masih belum ditentukan kerana ia tertakluk kepada keputusan Mahkamah Rayuan.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Zahid Hamidi, berkata program anak angkat itu membabitkan empat hingga lima cawangan Pemuda yang akan berkhidmat di sesebuah kawasan pengundian di bawah penyelarasan Pemuda Umno pusat.

"Pemuda akan membuat persediaan bersama Umno Negeri bagi menghadapi pilihan raya kecil itu sebagaimana arahan Perhubungan Umno pusat.

"Pemuda adalah jentera utama dan ia memerlukan bantuan tenaga sukarela yang boleh dihantar di sesebuah kawasan," katanya dalam sidang akhbar selepas bermesyuarat bersama Exconya di ibu pejabat Umno, di sini hari ini.

Menurutnya, tenaga sukarela yang diperlukan itu hendaklah berkemampuan untuk tinggal dengan lebih lama di sesuatu kawasan bagi memastikan kempen calon berjalan lancar.

Beliau dan Exco Pemuda Umno akan melawat semua kawasan pilih raya kecil terbabit bermula esok bagi memastikan jentera Pemuda Umno bergerak lancar.

Sementara itu, Zahid berkata kira-kira 1,000 perwakilan Umno dijangka menghadiri Forum Perdana Pengkisahan Sejarah Umno sempena ulang tahun ke-51 penubuhan Umno pada 11 Mei ini.

Katanya, antara peserta forum perdana itu ialah Ahli Majlis Tertinggi; Exco Pergerakan Pemuda dan Wanita; Ketua Bahagian; Ketua Pemuda Bahagian dan Bahagian Wanita berserta empat pegawai.

Forum itu, katanya, akan membincangkan hala tuju Umno dalam dekad mendatang serta alaf baru dalam keterbukaan minda bukannya mengimbau kembali sejarah penubuhan Umno.

"Dalam forum perdana anjuran Pergerakan Pemuda itu Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan memberikan ucapan tama beliau sebagai menggulung intipati forum," katanya.

Menurutnya, panel forum perdana itu dipengerusikan oleh Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Johan Jaafar dan disertai tiga panel lain iaitu tokoh Wartawan Negara, Tan Sri A Samad Ismail; Tokoh Veteran Umno, Tan Sri Mustaffa Jabar; dan Prof Madya Mahadzir Mohd Khir.

(END)